

# KAEDAH BACAAN GHARIB DALAM AL-QURAN MENGIKUT BACAAN IMAM HAFS AN 'ASIM

Nurul Husna binti Azhari<sup>1</sup>  
Nur Nabilah binti Abdul Aziz<sup>2</sup>  
Nur Murshidah binti Muhammad Shah<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mel: myshamurshidah@gmail.com)

**Abstrak:** *Bacaan Gharib membahas tentang maksud perkataan-perkataan yang ganjil dalam al-Quran dan tidak biasa didengari atau digunakan dalam komunikasi seharian manusia. Menurut istilah ulama qurra', Gharib bermaksud sesuatu yang memerlukan penjelasan khusus kerana perbahasan yang kurang jelas atau kerana peliknya permasalahan sama ada dari segi huruf, lafaz, makna ataupun pemahaman yang terdapat dalam al-Quran. Kajian ini akan memberi fokus kepada satu objektif utama iaitu memberi kefahaman tentang bacaan Gharib di dalam al-Quran menurut Imam Hafs an 'Asim. Secara keseluruhannya, artikel ini sedikit sebanyak dapat memberi kefahaman dan membantu masyarakat untuk membaca al-Quran dengan cara yang tepat dan lafaz yang betul mengikut bacaan Imam Hafs an 'Asim. Antara bacaan-bacaan yang dianggap Gharib (tersembunyi/samar) dalam Qiraat Imam 'Asim riwayat Hafs diantaranya adalah: Imalah, Isyamam, Saktah, Tashil, Naqal dan Badal.*

**Kata kunci:** *bacaan gharib, Hafs an 'Asim, al-Quran*

## **Pendahuluan**

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci terakhir yang diutuskan oleh Allah kepada penghulu segala rasul, junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Di dalam al-Quran terdapat beberapa pengajaran dari Allah yang disusun dalam pelbagai bentuk yang unik dan indah, bahkan ada yang terlalu unik sehinggakan manusia tidak dapat memahaminya secara langsung tetapi harus melalui proses yang sangat panjang dan penelitian yang tajam, sebagai contoh terdapatnya ayat-ayat *Gharib* di dalam al-Quran pada beberapa tempat tertentu.

Kegiatan untuk memahami makna-makna al-Quran dan lafaz *Gharib* di dalamnya, telah bermula sejak awal sejarah Islam. Kajian awal yang didapati adalah apa yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas berbentuk jawapan-jawapan mengenai persoalan yang di tanyakan kepadanya oleh Nafi' bin Al-Azraq. Begitu juga seperti yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas dari Ali bin Abi Thalhah dan riwayat Ibnu Abbas yang terdapat dalam Tahziib Atha' bin Abi Rabah (114 H). Kemudian muncullah karangan para ulama mengenai tafsir dari lafaz-lafaz *Gharib* al-Quran. Menurut pengiraan para ulama, terdapat lebih dari 50 karangan yang membahas permasalahan lafaz *Gharib* dalam al-Quran.

Perkataan *Gharib* berasal dari bahasa Arab yang bermaksud tersembunyi dan samar. Maksudnya juga serupa seperti yang terdapat dalam kamus bahasa Melayu iaitu aneh atau ganjil. Bacaan *Gharib* dalam al-Quran pula bermaksud bacaan yang sukar difahami dan memerlukan pemahaman yang khusus dan teliti. Perkataan-perkataan *Gharib* dalam al-Quran juga sangat jarang ditemui di dalam al-Quran secara keseluruhannya.

Menurut definisi lain pula, bacaan *Gharib* dalam al-Quran membahas tentang maksud perkataan-perkataan yang ganjil dalam al-Quran dan tidak biasa didengari atau digunakan dalam komunikasi seharian manusia. Menurut istilah ulama *qurra'*, *Gharib* bermaksud sesuatu yang memerlukan penjelasan khusus kerana perbincangan yang kurang jelas atau kerana peliknya permasalahan sama ada dari segi huruf, lafaz, makna ataupun pemahaman yang terdapat dalam al-Quran. Adapun bacaan-bacaan yang dianggap *Gharib* (tersembunyi/samar) dalam Qiraat Imam 'Asim riwayat Hafs diantaranya adalah: *Imalah, Isyam, Saktah, Tashil, Naqal* dan *Badal*.

## **Kajian Literatur**

Dalam membincangkan isu bacaan *Gharib* di dalam al-Quran, penulis menemui beberapa penulisan dan artikel yang berkaitan untuk dijadikan panduan supaya dapat mendalami dan memahami isu ini dengan lebih meluas.

Sebagai bahasa al-Quran, bahasa Arab bukan sahaja milik penutur Arab, tetapi juga milik semua umat Islam di seluruh dunia. Maka seharusnya lebih baik bagi semua umat Islam untuk berusaha mempelajari dan memahami al-Quran sejak kecil. Iswah Adriana (2017) memfokuskan untuk mengkaji perubahan bunyi bacaan *Gharib* dalam al-Quran dari perspektif fonologi Arab (al-Ashwat). Perubahan bunyi bacaan *Gharib* yang diperhatikan dalam kajian Al-Ashwat disebabkan oleh interaksi antara bunyi konsonan atau vokal yang bersebelahan, seperti asimilasi, asimilasi langsung, asimilasi tidak langsung, asimilasi regresif, asimilasi progresif, asimilasi sebutan cara, dan juga metatesis. Beberapa ayat al-Quran hendaklah dibaca secara berbeza dalam tulisan asal, seperti imalah (kecondongan, melenturkan bunyi vokal pendek), tashil, isyamam, dan lain-lain. Majoriti qari membaca al-Quran seperti yang terdapat dalam manuskrip bertulis atau rasm.

Bangsa Arab mempunyai dialek yang berbeza antara satu suku dengan suku yang berikutnya, baik dari segi intonasi, bunyi, dan huruf. Kepelbagaian dialek ini menunjukkan mukjizat al-Quran dapat menampung pelbagai dialek dan cara membaca al-Quran agar mereka dapat membaca, menghafal, dan memahaminya dengan lebih mudah. Nabi Muhammad SAW sendiri membenarkan bacaan al-Quran dengan pelbagai jenis bacaan, sehingga akhirnya muncul istilah *Qiraah* termasuk *Qiraat Sab'ah*. Suarni (2018) menjelaskan perbezaan antara *ahruf sab'ah* dan *Qiraat sab'ah*. Dua istilah ini merujuk kepada *ulumul* al-Quran. Kedua-dua istilah mempunyai makna yang berbeza, tetapi ia berkaitan. Perbincangan *Qiraat sab'ah* berkait rapat dengan perbincangan *ahruf sab'ah*. Hasil daripada kemunculan pelbagai bacaan, istilah *ahruf sab'ah* telah difahami. Selepas zaman Tabiin, muncul berbagai bacaan para pembaca (*Qurra*) imam, yang berasal dari para sahabat Nabi. Namun setelah menjalankan kajian dalam keadaan tertentu, hanya tujuh qiraat iaitu *Qiraat Imam Nafi'*, Abu Amr, Ashim, Ibn Kathir, Al-Kisa'i, Hamzah, dan Ibn Amir yang dianggap *mutawatir*.

Terdapat penelitian tentang jenis-jenis *Qiraat* yang disebutkan dalam *Kitab Al-mustadrak Alaa Al-Sahihain*. *Al-Mustadrak Alaa Al-Sahihain* ialah kitab Hadith; namun, penulis menumpukan satu bab untuk *Qiraat* (bacaan atau bacaan al-Quran) dan dengan itu menyumbang kepada ilmu *Qiraat* (Mohamed Fathy, 2020). Penerimaan atau penolakan *Qiraat* al-Quran ditentukan oleh tiga kriteria; persetujuan dengan aspek tatabahasa Arab, persuratan dengan kaligrafi Uthmaniyyah, dan keaslian dari segi atribusi. Didapati juga bahawa terdapat empat jenis *Qiraat* dalam *Al-Mustadrak* iaitu, *Qiraat* yang diterima dalam Hadis Sahih, *Qiraat* yang diterima dalam Hadis lemah, *Qiraat* yang tidak tetap dalam Hadith Sahih dan *Qiraat* yang tidak tetap dalam Hadis yang lemah. Kriteria yang digunakan untuk menentukan kebolehterimaan *Qiraat* tidak sama dengan yang digunakan untuk menerima Hadis kerana terdapat *Qiraat* yang diterima dalam Hadis yang lemah dan begitu juga sebaliknya.

**Imam 'Asim Bin Abi Al-Najud Al-Kufi**

Nama sebenar beliau ialah Ibnu Abi Al-Najud bin Bahdala Mawla Ibnu Huzaimah bin Malik bin Nadar Al-Asadi. Ayahnya bernama Abdullah dan keturunannya ialah Abu al-Najud manakala ibunya pula bernama Bahdalah. Beliau lahir pada zaman pemerintahan Muawiyah bin Abu Sufyan. Ada juga yang mengatakan nama sebenar 'Asim ialah 'Asim ibnu Bahdalah. Imam 'Asim bin Abi al-Najud al-Kufi juga digelar sebagai Abu Bakar kerana beliau berketurunan Arab asli daripada kabilah Bani Asad di Kufah dan salah seorang daripada *al-Qura' al-Sab'ah*. Tahun kelahiran beliau tidak dapat dipastikan tetapi beliau wafat pada tahun 127 Hijrah bersamaan 745 Masihi di Kufah.

Beliau telah mengambil ilmu Qiraat daripada dua orang sahabat iaitu Ani Ramthah Rifa'ah al-Tamimi dan al-Harith bin Hassan al-Bakri. Imam 'Asim menjadi tabi'in kerana Abi Ramthah telah mengambil riwayat daripada Imam Ahmad bin Hanbal manakala al-Harith pula mengambil riwayat daripada Abi Ubaid al-Qasim bin Salam. Guru kepada Imam 'Asim ialah Abi Abdul Rahman Abdullah bin Habib bin Rabi'ah al-Sulami al-Dharirr, Abi Maryam Zarrin bin Hubaisy bin Habsyah al-Asadi dan Abi Amru Sa'dun bin Ilyas al-Syaibani. Mereka bertiga pula mengambil riwayat daripada Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Thalib. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa al-Sulami mengambil riwayat daripada Ubai bin Ka'ab dan Zaid bin Thabit. Ibnu Mas'ud, Ali, Ubai dan Zaid pula mengambil riwayat daripada Rasulullah s.a.w. Imam 'Asim adalah Imam yang pertama dalam bidang *Qiraat* di Kufah selepas Abi Abdul Rahman al-Sulami dan menjadi tumpuan serta tempat rujukan semua manusia dari segenap pelusuk dunia.

Beliau dianugerahkan suara yang merdu, pandai membaca al-Quran dengan bertajwid serta mempunyai sebutan dan *lahjah* yang jelas. Abu Bakar Ibnu 'Iyash (*Syu'bah*) berkata: "Tidak pernah aku melihat seorang manusia yang pandai membaca al-Quran melainkan 'Asim bin Abi al-Najud al-Kufi yang begitu mahir dalam bidang ilmu bahasa, nahu dan pakar dalam bidang feqah." Berkata Yahya bin Adam dari Hassan bin Soleh: "Aku melihat tidak ada seorang pun yang lebih fasih bercakap melainkan Imam 'Asim bin al-Najud al-Kufi." Abu Bakar bin 'Iyash berkata: "Imam 'Asim pernah jatuh sakit selama dua tahun tanpa membaca al-Quran dan membuat sebarang kerja. Apabila beliau sembuh dari penyakitnya, beliau dapat membaca al-Quran tanpa melakukan sebarang kesalahan." Imam 'Asim mempunyai beberapa orang anak murid. Di antaranya Hafs bin Sulaiman, Abu Bakar Syu'bah bin 'Iyash, (kedua-duanya ialah perawi yang masyhur), Abaan bin Taghlab, Hamad bin Mihran al-A'masyh, Abu al-Munzir Salam bin Sulaiman, Sahl bin Syu'aib, Syaiban bin Muawiyah dan lain-lain lagi. Imam 'Asim juga pernah mengambil riwayat daripada Abu Amru bin al-Ala, Khalil bin Ahmad dan Hamzah bin al-Ziyat. Beliau wafat pada akhir tahun 127 Hijrah di Kufah.

### **Imam Hafs An 'Asim**

Imam Hafs adalah perawi *Qiraat* Imam 'Asim yang terkemuka. Nama sebenar beliau ialah Hafs bin Abi Duad Sulaiman bin Al-Mughirah, Al-Asadi Al-Kufi. Beliau lebih terkenal dengan gelaran Abu Umar.

Dilahirkan di Kufah pada tahun 90 Hijrah dan wafat pada tahun 180 Hijrah. Imam Hafs telah mengambil bacaan Al-Quran secara terus daripada gurunya iaitu Imam 'Asim secara *talaqqi* dan *musyafahah*. Beliau amat terkenal dengan ketelitian dan ketepatan bacaan dan hafalan Al-Qurannya. Ini telah menjadikan riwayat bacaannya sangat masyhur dan diktiraf oleh para ulama dan *Qurra'* pada zamannya. Selain itu, beliau merupakan perawi daripada Imam 'Asim yang paling *alim*. Beliau juga pernah tinggal di Kota Baghdad dan Mekah sekaligus menjadi *Mugri'* yang terkenal. Beliau telah meriwayatkan satu bacaan baris fathah daripada Imam 'Asim. Antara murid Imam Hafs yang meriwayatkan bacaannya ini ialah Abid Bin As-Sobah, 'Amru Bin As-Sobah, Husain Bin Muhammad Al-Mazuri, Fudail Bin Yahya. Sanad (salasilah) bacaannya bersambung kepada Rasulullah s.a.w. melalui gurunya iaitu Imam 'Asim adalah seperti berikut:



Dari sini jelas terbukti bahawa sesuatu bacaan itu mestilah mempunyai sandaran yang sah datangnya daripada Rasulullah SAW. Walaupun terdapat perbezaan bacaan, tetapi apa yang lebih penting perbezaan itu mestilah mempunyai sandaran yang sah dan kuat dalam pengambilannya. Hafs adalah murid Imam 'Asim yang paling banyak mengetahui bacaan-bacaan Imam 'Asim kerana beliau telah berulang-kali *bertalaqqi* dengan gurunya itu, jika dibandingkan dengan rakan seperguruannya yang lain. Beliau mendahului rakan-rakannya dari segi kemantapan sebutan huruf. Oleh kerana berulang-ulang-kali *bertalaqqi* dengan Imam Asim, maka wujud selepas kewafatan beliau Toriq (aliran bacaan) Imam Hafs bin Sulaiman yang berbagai-bagai, seperti aliran Asy-Syatibiah dan aliran Al-Jazariah. Kesemua aliran yang dikembangkan oleh murid-murid beliau sesudah kewafatannya itu mempunyai sandaran yang sah dan berkesinambungan tanpa terputus hingga ke Rasulullah SAW.

### **Jenis-Jenis Bacaan Gharib Menurut Imam Hafs An 'Asim**

#### **a) *Imalah***

*Imalah* menurut bahasa berasal dari lafaz *أَمَالَ* iaitu *إِمَالَةً، يَمِينًا، أَمَالًا* yang bermaksud memiringkan atau menyengetkan, sedangkan menurut istilah iaitu memiringkan *fathah* kepada *kasrah* atau memiringkan *alif* kepada *ya*'. Bacaan *imalah* banyak dijumpai pada Qiraat Imam Hamzah dan Kisa'i, diantaranya pada lafaz-lafaz yang diakhiri oleh *alif layyinah*, contoh: *الضُّحَى، قَلَى، سَجَى، هُدَى*. Sedangkan pada riwayat Imam Hafs hanya ada satu lafaz yang harus dibaca secara *imalah* iaitu pada lafaz *مَجْرَاهَا* dalam Surah Hud ayat 41:

﴿ وَقَالَ ارْكَبُوا فِيهَا بِسْمِ اللَّهِ جَرِّهَا وَمُرْسَاهَا ۚ إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾ ﴿٤١﴾

Dalam ilmu Qiraat terdapat satu bacaan yang hampir sama dengan bacaan *imalah*, yaitu bacaan *taqlil* yang termasuk dalam Qiraat imam Warsy. Khususnya pada lafaz yang *berwazan* فَعْلَى، فَعْلَى، فَعْلَى، namun bacaan *taqlil* lebih mendekati *fathah* seperti bunyi sebutan “re” pada kata “mereka”.

Sebab-sebab *diimalahkan* lafaz جَرِّهَا adalah untuk membezakan antara lafaz جَرِّهَا yang bermaksud berjalan di darat dengan lafaz جَرِّهَا yang bermaksud berjalan di laut. Dalam salah satu kamus bahasa arab dijelaskan bahawa lafaz جَرِّهَا berasal dari lafaz جَرَى yang bermaksud berjalan atau mengalir dan lafaz tersebut dapat digunakan dengan maksud berjalan di atas daratan ataupun berjalan di atas lautan (air), namun kecenderungan perjalanan di permukaan laut tidak stabil seperti berjalan di daratan. Terkadang dilambung ombak kecil dan besar atau ditiup angin, sehingga sangat tepat apabila lafaz جَرِّهَا tersebut *diimalahkan*.

#### **b) Isyam**

*Isyam* bermaksud mencampurkan *dammah* pada *sukun* dengan memuncungkan bibir atau mengangkat dua bibir. Dalam Qiraat riwayat Hafs, *Isyam* terdapat pada lafaz لَا تَأْمَنَّا iaitu ketika membaca lafaz tersebut, gerakan lidah seperti mengucapkan lafaz لَا تَأْمَنَّا sehingga hampir tidak ada perubahan bunyi antara mengucapkan lafaz لَا تَأْمَنَّا dengan mengucapkan لَا تَأْمَنَّا. Dengan kata lain, asal dari lafaz لَا تَأْمَنَّا adalah lafaz لَا تَأْمَنَّا. Jika diteliti dengan lebih mendalam, ternyata rasm uthmani hanya menulis satu huruf nun yang *bertasydid*. Terdapat persoalan tentang dimana letaknya *dammah*? Untuk mempertemukan kedua-dua lafaz tersebut, pilihlah jalan tengah iaitu bunyi bacaan mengikuti rasm, sedangkan gerakan bibir mengikuti lafaz asal.

Dalam Qiraat Imam Ibnu Amir riwayat Susy, bacaan *isyam* dikenali dengan sebutan *idgham kabir*, iaitu pertemuan dua huruf yang sama dan sama-sama hidup lalu bercantum menjadi satu huruf *bertasydid*. Dalam Qiraat Imam ‘Asim riwayat Hafs, hanya dikenali dengan satu *idgham* sahaja, iaitu *idgham saghir* yakni *mengidghamkan* dua huruf yang sama yang salah satunya mati. Menurut bahasa, lafaz لَا تَأْمَنَّا dapat difahami berasal dari lafaz لَا تَأْمَنَّا yang terdapat dua nun yang *diizharkan*, nun yang pertama *dirafa’kan* dan yang kedua *dinasabkan*.

#### **c) Tashil**

*Tashil* berasal dari perkataan bahasa arab yaitu perkataan سهل yang bererti mudah atau ringan. Menurut istilah pula, *tashil* adalah meringankan dua huruf hamzah yang berturutan menjadi satu yang bertujuan untuk memudahkan dalam melafazkan bacaan *tashil*. Terdapat hanya satu bacaan *tashil* di dalam Al-Quran iaitu pada surah Fussilat ayat 44.

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُهُ ۖ ءَأَعْجَمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا هُدًى وَشِفَاءً ۗ وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي ءَادَانِهِمْ وَقُرْ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۗ أُولَٰئِكَ يُنَادُونَ مِن مَّكَانٍ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

Pada ayat diatas, bacaan *tashil* terdapat pada lafaz ءَأَعْجَمِيٌّ iaitu cara membacanya dengan membunyikan hamzah pertama seperti lafaz kebiasaannya dan hamzah kedua dibaca di antara huruf alif dengan huruf hamzah atau samar-samar.

Dua hamzah *qatha'* yakni yang berbaris pada bacaan *tashil* menyulitkan orang arab dalam melafazkannya, sehingga adanya bacaan *Gharib tashil* yang memudahkan orang arab untuk menyebutnya.

#### d) *Saktah*

*Saktah* berasal dari perkataan bahasa arab سكت yang bermaksud diam atau berhenti. Menurut istilah pula, pengertian *saktah* adalah berhenti seketika tanpa bernafas sebelum membaca lafaz berikutnya atau menahan nafas selama satu alif atau dua harakat. Tanda *saktah* di dalam Al-Quran kebiasaannya ditanda dengan huruf س. Terdapat empat bacaan *saktah* di dalam al-Quran menurut bacaan Imam Hafs an 'Asim iaitu diantaranya, pada surah Yasin ayat 52, surah Al-Qiyamah ayat 27, surah Al-Muthaffifin ayat 14, dan surah Al-Kahfi ayat 1 dan 2.

1) Surah Yasin: 52

قَالُوا يُؤَيَّلْنَا مَنْ بَعَثْنَا مِن مَّرْقَدِنَا ۗ هَٰذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ﴿٥٢﴾

2) Surah Al-Qiyamah: 27

وَقِيلَ مَنْ سَاقٍ ﴿٢٧﴾

3) Surah Al-Muthaffifin: 14

كَلَّا ۚ بَلْ سِرَّانَ عَلَيَّ قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

Cara membacanya adalah dengan berhenti seketika atau menahan nafas ketika bertemu dengan tanda *saktah* dan kemudian setelah itu dilanjutkan dengan lafaz setelahnya tanpa mengambil nafas baharu.

#### 4) Surah Kahfi: 1-2

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيَّ عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ﴿١﴾ فَيَمَّا لِيُذِرَ بَأْسًا

شَدِيدًا مِّنْ لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ﴿٢﴾

Terdapat tanda *saktah* selepas lafaz عِوَجًا dan juga tanda waqaf selepasnya. Terdapat dua cara membacanya iaitu dengan *saktah* yakni berhenti seketika tanpa mengambil nafas baru atau boleh juga dibaca dengan tanda waqaf.

#### e) *Naql*

Dalam ilmu tajwid, *naql* bermaksud memindahkan harakat pada huruf sebelumnya. Pada tilawah Al-Quran, hanya terdapat satu ayat yang dibaca dengan kaedah *naql*, yakni pada surah Al-Hujurat ayat 11:

يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْحَرَنَّ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۚ وَلَا تَلْمِزُوا

أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ ۚ بِئْسَ الِاسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ ۚ وَمَنْ لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Lafaznya terdapat pada kata: بِئْسَ الِاسْمُ. Jika merujuk pada bacaan al-Quran biasanya, cara membacanya adalah dengan bunyi "Bi'sal ismu". Namun, kerana ada kaedah *naql*, cara melafazkannya adalah dengan memindahkan harakat pada huruf sebelumnya. Dengan demikian, cara membacanya adalah: "Bi'salishmu".

#### f) *Badal*

Badal menurut bahasa adalah mengganti atau mengubah iaitu bermaksud mengganti *huruf hijaiyah* dengan *huruf hijaiyah* yang lain. Diantara lafaz-lafaz *badal* yang terdapat di dalam al-Quran menurut Imam 'Asim riwayat Hafis:

*Badal* ة dengan ي iaitu mengganti hamzah mati dengan ya', sebahagian besar imam Qiraat sepakat mengganti *hamzah qatha'* yang tidak menempel dengan lafaz sebelumnya dan jatuh sesudah *hamzah washal* dengan alif layyinah. Contoh pada Surah Al-Ahqaf: 4,

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَرُونِي مَاذَا خَلَقُوا مِنَ الْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي السَّمَوَاتِ ۚ أَتُنذِرُونَ بِكِتَابٍ مِّن قَبْلِ هَذَا أَوْ  
أَنْزَلْنَا مِنْ عِلْمٍ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤﴾

Cara membacanya, iaitu apabila seorang *qari* membaca *waqaf* pada lafaz *فِي السَّمَوَاتِ* maka huruf ta' mati dan hamzah mati diganti ya', sedangkan apabila dibaca *wasal* tidak ada perubahan.

### **Kemasyhuran Bacaan Imam Hafs An 'Asim Di Dunia Islam**

Antara faktor bacaan Imam Hafs adalah yang paling popular ialah kerana *sanad* Qiraat Hafs berakhir dengan lima sahabat utama Nabi s.a.w. Di antara sahabat nabi itu ialah Abdullah bin Mas'ud iaitu sahabat yang bacaannya mendapat pengiktirafan daripada Nabi s.a.w, Sayyidina Ali bin Abi Tholib, khalifah keempat juga merupakan sepupu dan menantu Nabi s.a.w., Zaid bin Thabit, penulis wahyu, Ubay bin Ka'ab, dan juga Sayyidina Uthman bin 'Affan yang merupakan khalifah ketiga yang memerintahkan untuk Al-Quran itu ditulis secara sistematik.

Faktor yang seterusnya pula adalah kerana versi bacaan imam Hafs adalah hampir sama dengan tulisan Rasm Uthmani dan tidak terdapat terlalu banyak perbezaan. Contohnya pada perkataan *maaliki* ayat 4 surah Al-Fatihah. Bagi Imam Hafs dibaca dengan *maaliki* iaitu sepertimana tulisan Rasm Uthmani tetapi ada juga sesetengah imam Qiraat membaca dengan *maliki* iaitu baca dengan satu harakat sahaja dan tidak sama seperti tulisan Rasm Uthmani.

Selain itu, bacaan Imam Hafs ini popular adalah kerana bacaan ini banyak tersebar kerana pemerintah dan mazhab. Imam Abu Hanifah lahir pada 80 Hijrah bersamaan dengan 699 Masihi. Ketika zaman beliau, mazhab rasmi ialah Mazhab Imam Abu Hanifah. Dan beliau membaca mengikut versi bacaan Imam Hafs. Beliau adalah sezaman dengan imam Hafs dan imam 'Asim.

Seterusnya adalah faktor percetakan mushaf Rasm Uthmani dan penyebaran bacaan. Al-Quran pertama kali dicetak pada tahun 1964 di Hamburg, Jerman apabila mesin cetak pertama dicipta oleh Johannes Gutterburg pada abad ke 15. Al-Quran kemudian dicetak pada zaman Turki Uthmaniyyah dengan menggunakan Rasm Uthmani iaitu bacaan Imam Hafs. Sekali lagi, pada tahun 1924, al-Quran mula dicetak secara besar-besaran oleh pemerintah Mesir juga dengan menggunakan Rasm Uthmani. Pada zaman sekarang, apabila Jemaah haji atau umrah ke Arab Saudi, mereka akan dihadiahkan dengan Al-Quran Rasm Uthmani. Dan akhir sekali, penyebaran Cd, Dvd, kaset dan aplikasi telefon pintar. Rakaman Al-Quran 30 juzuk pertama kali dilakukan dengan bacaan Imam Hafs yang dibaca oleh Syekh Mahmud Khalil Husari.

Sebab yang lain adalah kerana Imam Hafs banyak mengajar di tempat-tempat yang masyhur. Tiga tempat masyhur yang beliau mengajar ialah Baghdad, Kufah dan Mekah. Baghdad ialah pusat kegiatan

ilmiah dan pusat pemerintahan khalifah. Kufah pula adalah kubu kuat pengikut Sayyidina Ali berkumpul dan Mekah adalah tempat masyhur orang muslim berkumpul untuk menunaikan haji dan umrah.

## **Kesimpulan**

Keagungan dan kekuasaan Allah sangat tidak terhitung, dibuktikan lagi dengan penurunan kitab suci al-Quran yang kekal dipelihara dari dulu sehinggalah hari kiamat. Mengkaji al-Quran secara ilmiah dan mendalam sangatlah perlu dan penting dengan tujuan agar terhindar dari pemahaman yang keliru dan tersasar. Keadaan ayat yang *gharib* mengundang perhatian dan rasa ingin tahu oleh setiap yang membacanya. Rasa ingin tahu yang kuat dan kehausan ilmu ini digunakan sebagai senjata yang ampuh oleh al-Quran, kerana fitrah manusia menyukai sesuatu perkara yang baru dan unik. Sifat ini boleh dimanfaatkan untuk menyebarkan agama Islam dengan munculnya sebuah ayat atau perkataan yang sukar untuk difahami dan unik agar mereka lebih bersungguh-sungguh dalam memahami al-Quran.

## **Rujukan**

- Abdullah Al-Qari Saleh. Kursus Qari dan Qariah, Pustaka Aman Press, hlm 24.
- Ade Riad Nurdin 2020. Gharib dan Musykilat Bacaan Al-Quran Riwayat Hafsh. Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten.
- Achmad Toha Husein Al-Mujahid 2013. Ilmu Tajwid (Pegangan Para Pengajar Al-Quran dan Aktivis Dakwah), hlm 13.
- Ahmad Zulfiqar, Muhammad Rozaimi & Nadirah Mohd Amin 2018. *Enhancing Teaching and Learning Methodology with Computing Visualization in Studies of Qiraat* (Malaysia). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(2), 823-835.
- Anita Hidayati 2015. Studi Analisis Pemahaman Santri Tentang Materi Tajwid dan Gharib di Pondok Pesantren Putri Tahaffudzul Qur'an Purwoyoso Ngaliyan Semarang.
- Fatma Yacout Elibyari 2018. *The Clarification of Riwayati Shu'bah and Hafs 'an 'Asim*.
- Garba Malami & Mohamad Azrien 2020. *Error Analysis in The Recitation of The Glorious Qur'an with Reference to Asim Qira'ah, Hafs Narration*. *Journal of Critical Reviews*.
- Iswah Adriana 2017. Perubahan Bunyi Pada Bacaan-Bacaan Gharib Dalam Al-Quran Menurut Tinjauan Fonologi Arab. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, Vol. 1.
- Mohamed Fathy 2020. *Types of Qiraat Mentioned in the Book of Al-Mustadrak Alaa Al-Sahihain*. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 24.
- Suarni 2018. *Ahruf Sab'ah dan Qiraat Sab'ah*. *Al-Mu'ashirah*, Vol. 15, No. 2.